



PRAKTIKAL BERGAYA

# IMPIANA



ALMAZ ARCHITECT

33-1 Plaza Crystalville 1  
Jalan 22A/70A  
Desa Sri Hartamas  
50480 Kuala Lumpur  
Tel 603 6201 1158  
Fax 603 6201 2258 (Project)  
603 6204 2328 (Administration)  
E-mail [almaz@pc.jaring.my](mailto:almaz@pc.jaring.my)

**Interior**  
Pelan Lantai Tonjol Kelainan  
Variasi Konsep Elak Kebosanan  
Luahan Seni Di Ruang Terhad

**Kafe**  
Cool Bananas = Cool Dude  
Pendekatan Ringkas & Kemas

Galeri Art Case: Landasan Seni



## idea segar sudut bacaan

WARNA ILMIAH DI RUANG BACA • MISTERI IBAN: FABRIK  
PUA KUMBU • INSPIRASI: HITAM ITU MENAWAN

MEI 2004 | EDISI 57

ISSN 1675-0403



9 771675 040004

[www.karangkraf.com/impiana](http://www.karangkraf.com/impiana)



# pelan lantai tonjor

ILUSTRASI: EMMA MASRI FOTOGRAFI: MAZLAN YUNOS



“ Saya kurang gemar jika terdapat beberapa buah ruang dalam pelan lantai yang sama. Jika boleh dielakkan, kami akan menghindarinya. Secara peribadi keadaan ini memberikan satu pemandangan yang sedikit membosankan. Kebetulan kami memiliki tanah yang luas dan bersesuaian, maka kami mahu setiap ruang berada di ketinggian lantai berbeza. Ini penting agar setiap satunya mempunyai ciri-ciri keistimewaan tersendiri. ”



kelainan



ITULAH penjelasan awal pemilik kediaman banglo dua tingkat, sembilan bilik tidur, dengan keluasan kediaman 6,500 kaki persegi di Sierramas ini. Pemilik yang merupakan pasangan ahli perniagaan, cukup jelas dengan apa yang diinginkan. Impian mereka itu berjaya direalisasikan oleh arkitek yang juga merupakan rakan baik keluarga ini, Puan Almaz Salma dari Almaz Architect.

Menurut pemilik, mereka mempunyai sebab kukuh mengapa kedudukan setiap ruang berasingan antara satu sama lain. Alasan utamanya agar setiap ahli keluarga dapat menjalankan aktiviti berbeza di ruang yang berlainan. Aktiviti yang dijalankan tidak akan mengganggu antara satu sama lain. Keadaan ini memberikan keselesaan dan praktikal untuk kediaman seperti ini. Jika ruang terhad mungkin ada cara lain yang boleh mengatasi masalah ini.

Kedudukan kediaman agak berbeza berbanding kejiranan lain jika dilihat dari luar. Ia sengaja direka dengan anjung hadapan dan pintu utama menghadap ke sebelah timur, iaitu pada kedudukan menyerong berbanding kediaman lain yang berhadapan jalan besar. Secara teorinya, kediaman yang menghadap ke timur memperoleh tempoh pancaran terik cahaya matahari yang singkat. Dengan kedudukan agak terlindung dan 'selamat' ini, kediaman berada dalam posisi yang lebih sejuk. Selain 'menyerongkan' posisi kediaman, pemilik turut mengurangkan jumlah tingkap yang bertentangan jalan utama bagi mengelakkan banyak cahaya masuk ke ruang utama kediaman.

Pemilik sangat bertuah kerana mendirikan kediaman di atas tanah yang dilatari keindahan hutan hujan tropika serta tasik. Dengan kedudukan tanah belakang yang curam, pemilik tidak memerlukan pagar tinggi mengelilingi banglo. Usaha menanam pokok renek sudah memadai selain mengindahkan persekitaran. Dengan tanah berkeluasan hampir 20,000 kaki persegi, pemilik tidak menghadapi masalah memperuntukkan laman luas untuk anak-anak beriadah pada petang hari.

**SILING TINGGI BERATAP GENTING, BERPALANG PANEL KAYU CENGAL, DIBIARKAN TERDEDIAH DALAM BENTUK ASAL BAGI MEMBERI KESAN ASLI DAN BERSHAHAJA.**



#### **KEDIAMAN GAYA MALAYSIA**

Dari luar sahaja penulis sudah tertarik dengan konsep resort tropika yang cuba diterapkan. Kehijauan landskap taman hadapan dan belakang dengan pokok-pokok tropika popular seperti keruing, pinang sepuluh, heliconia, senjuang wangi dan banyak lagi membantu menjelmakan penataan resort. Idea landskap yang kemas dicetuskan sendiri oleh ibu pasangan ini. Berdasarkan perbincangan yang dipersetujui, pemilik mahukan pengaruh pengayaan Malaysia dalam reka bentuk dan pilihan bahan seperti kayu Cengal sebagai kemasan akhir untuk bingkai tingkap serta pintu. Sebahagian lantai di tingkat atas dan tangga pula menggunakan kayu Bungor. Penerapan ini boleh melembutkan penampilan keseluruhan kemasan lantai yang menggunakan lantai marmar, Rosa Sacchi. Melangkah masuk ke kediaman, tetamu disambut dengan laluan panjang atau koridor menuju ke ruang tamu. Ini adalah ruang yang paling dihargai pemilik kerana ia seolah-olah 'mesra' menyambut kepulangan tuan rumah. Laluan selebar hampir dua meter dan empat meter panjang ini dihias ringkas dengan aksesori patung abstrak Bali. Patung dan kussen hiasan diletakkan di atas bangku binaan-dalam dwifungsi berhampiran dinding kaca yang menghadap laman sisi kediaman.

Pemandangan luar yang segar dan redup meresap masuk ke kediaman seterusnya, menjadikan persekitaran lebih tenteram dan seimbang. Manakala, siling tinggi beratapkan genting berpalang panel kayu cengal dibiarkan terdedah dalam bentuk asal bagi memberi kesan asli dan bersahaja. Seperkara yang ketara tentang kediaman ini ialah pemilik bijak menggunakan kedudukan banglo dengan menerapkan sistem terbuka. Hampir keseluruhan dinding dilatari tingkap kaca tinggi berhadapan laman.





RUANG TAMU BUKANLAH RUANG UTAMA. KAMI UNTUK BERKUMPUL. KEBIASAANNYA DIGUNAKAN UNTUK MERAIKAN TETAMU YANG BERKUNJUNG. APA YANG KAMI CUBA LAKUKAN IALAH MENERAPKAN KONSEP HIASAN DALAMAN YANG SESUAI DENGAN JIWA.





MUKA SURAT UJI, ATAS KIRI: Ruang lantai berbeza antara dapur dan ruang tamu dipisahkan dengan laluan menerusi anak tangga. BAWAH KIRI: Konsep terbuka direalisasikan dengan kehadiran tingkap kaca tinggi yang membenarkan cahaya dan udara masuk semaksimalum mungkin. BAWAH KANAN: Pilihan perabot lebih kontemporari dengan potongan garis lurus yang ringkas dan bebas sesuai, dengan suasana sekebeling.

Ini membolehkan cahaya dan udara masuk ke ruang-ruang berhampiran pada kadar maksimum. Tidak hairanlah mengapa pemilik menegaskan asas reka bentuk kediaman perlu mampu menerangkan ruang terbuka dan bersifat 'privacy' di awal perbincangan mereka bentuk banglo ini. Melempi koridor ini, tetamu perlu menaiki beberapa anak tangga untuk ke ruang tamu. Walaupun kediaman agak luas, namun pemilik tidak memerlukan ruang tamu yang besar.

"Ruang tamu bukanlah ruang utama kami untuk berkumpul. Kebiasaannya digunakan untuk meraikan tetamu yang berkunjung. Apa yang kami cuba lakukan ialah menerapkan konsep hiasan dalaman yang sesuai dengan jiwa. Sebab itu jika dilihat secara rambang, ruang tamu kurang sarat dengan elemen hiasan. Mungkin yang ketara sekali ialah paparan koleksi karya seni pengkaryanya tempatan menjadi hiasan dinding," terangnya sambil menunjukkan sebuah karya seni lakaran Profesor Tajuddin Ismail.

Sesuai dengan percubaan untuk menerapkan konsep resort tropika, pemilik memilih perabot antik China. Sebahagiannya merupakan perabot asli yang berusia beratus tahun lamanya. Ada juga yang direka semula berdasarkan rekaan asal perabot, contohnya dua buah kerusi lengan antik berhampiran tangga turun ke koridor. Meja konsol dan almari hiasan antik turut menjadi perhatian.

Seperkara yang cuba diterapkan oleh pemilik ialah menggabungkan meja kopi blackwood dari China. Saiznya yang lebar dan kelihatan begitu kukuh dan mantap telah diseimbangkan dengan kehadiran sofa kulit bersaiz besar juga. Bagi mengurangkan kesan penampilan kaku, kehadiran fabrik sebagai alas meja dan sedikit aksesori kecil telah mengurangkan imej kaku dalam ruang tamu ini.



PEMILIK MENITIKBERATKAN PENAMPILAN REKA BENTUK KEDIAMAN YANG SESUAI DENGAN IKLIM TROPIKA PANAS DAN LEMBAP.







### MENGHAYATI ALAM SEMULA JADI

Berhampiran ruang tamu ini, tetamu berpeluang menghayati keindahan laman melalui bukaan luas pintu lipat. Bukaan ini menghubungkan ruang tamu dengan anjung utama, tempat kegemaran pemilik bersantai menghirup udara petang. Anjung utama ini diapit oleh rimbunan pepohon hijau dan kolam ikan koi Jepun dan tempatan di kiri dan kanan. Semua ini merupakan elemen semula jadi yang berkesan memberikan ketenangan.\* Kediaman ini merupakan tempat paling sesuai untuk kami sekeluarga beristirahat. Kami tidak perlu menikmati percutian di pusat-pusat peranginan kerana banglo ini sahaja sudah menggambarkan sebuah resort peribadi. Kediaman perlu menjelaskan keinginan peribadi pemilik dan bagi saya, kami telah memperolehnya,\* jelasnya menceritakan kedudukan anjung utama yang dihubung terus dengan ruang tamu.

Konsep terbuka yang sama turut diterapkan di ruang makan apabila bukaan lebar tingkap-tingkap kaca telus menguasai hampir keseluruhan dinding ruang ini. Memandangkan ruang makan agak luas dan memanjang, pemilik terpaksa menempah khas meja makan kaca panjang agar ruang tidak kelihatan kosong. Tanpa memasang langsir sebagai kemasam tingkap, penampilan bingkai-bingkai tingkap kaca sudah cukup memberikan corak dalam ruang makan rasmi keluarga ini.

Secara keseluruhan, pemilik menitikberatkan penampilan reka bentuk kediaman yang sesuai dengan iklim tropika panas dan lembap. Sistem terbuka bagi membenarkan kemasukan cahaya dan udara luar yang banyak secara tidak langsung merupakan kesinambungan penghayatan keindahan semula jadi ke dalam kediaman. Penggunaan bahan-bahan semula jadi utama seperti kayu mengukuhkan lagi matlamat ini. Apa yang pasti pemilik sekeluarga berasa amat selesa tatkala berada di rumah, dan inilah erti sebenar sebuah kediaman impian. 

